

# SPS suburkan cinta bahasa

► Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 anjuran DBP

UB 30.10.2013 B1

**B**ERSEMPENA dengan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), siswa-siswi Universiti Malaysia Sabah (UMS), khususnya pelajar penulisan Sekolah Pengajian Seni (SPS) telah bekerjasama dengan pihak DBP dalam menyemarakkan semangat cintakan bahasa.

Ia dilakukan melalui penglibatan dalam beberapa program yang berorientasikan usaha menyemai dan menanam kesedaran terhadap kepentingan bahasa dalam masyarakat.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Hajji Aman telah merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat Negeri Sabah di Atrium Tengah, 1Borneo baru-baru ini.

Penglibatan aktif pelajar SPS berjaya menggagatkan majlis dengan siri segmen berkonsepkan interaktif, satu kaedah bagi menarik penonton untuk ikut serta dalam persembahan mereka.

Tujuan utama mereka adalah untuk menarik minat masyarakat agar bersama-sama memartabatkan bahasa kebangsaan. Secara umumnya, tidak ramai yang mengambil tahu tentang Bulan Bahasa Kebangsaan yang diadakan setiap tahun. Persoalan dalam

mengangkat martabat bahasa kebangsaan yang kian pupus dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam golongan muda adalah tanggungjawab bersama khususnya buat pencinta perpaduan kaum di negara ini.

Marcapada ini, masyarakat tidak mengambil endah tentang bahasa kebangsaan kerana mereka merasakan bahasa kebangsaan itu kolot. Masyarakat lebih mengagungkan bahasa asing daripada bahasa ibunda mereka sendiri.

Perlu diketahui, bahasa kebangsaan merupakan alat penyatu yang mampu membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang maju yang sentiasa menjunjung adat, selain turut berperanan dalam menyatukan bangsa.

Justeru, para pelajar SPS telah memainkan peranan mereka dalam memartabatkan bahasa kebangsaan melalui penyampaian mesej "Cintailah Bahasa Kebangsaan Kita".

Menerusi pantun dan lagu puisi terserlah keindahan bahasa kebangsaan yang mempunyai nilai-nilai kesusastraan dan kebudayaan yang halus, lembut menusuk kalbu.

Pelajar penulisan tahun dua SPS telah mempersembahkan

PELAJAR SPS menjawab watak-watak berbeza bersesuaian dengan pelbagai lapisan masyarakat.



sketsa bertajuk "Semarak Bulan Bahasa", sebuah sketsa yang menonjolkan pelbagai kreativiti dalam menyampaikan rasa cinta terhadap bahasa. Sketsa berkenaan menceritakan tentang masyarakat di sebuah kampung yang mempunyai pelbagai kaum dan nilai budaya yang tinggi dalam diri mereka.

Kisah ini bermula apabila seorang kanak-kanak bernama Meon yang petah berkata-kata menanyakan soalan kepada bapanya tentang apa itu bahasa. Menariknya, sketsa dimulakan dengan dendangan syair oleh Sabran Kibong dan Narti Baiman

yang begitu merdu.

Seterusnya, bermulalah sketsa yang diselang-selikian dengan sajak, teka-teki, berbalas pantun, puisi dan lagu, dan nyanyian. Persembahan sketsa ini mendapat bimbingan dari pensyarah teater SPS, Sharifuddin Zainal sambil dibantu oleh pensyarah penulisan, Suhaimi Yasin dan pensyarah tarian, Nursaadiah Tang Abdullah.

Dalam pada itu, Hazwan Abu Seman, pemain watak utama dalam persembahan sketsa "Semarak Bulan Bahasa" berkata kecintaan pada kelembutan dan keindahan bait-bait bahasa Melayu mendorong beliau dalam persembahan telah

untuk membuat penampilan sulung di pentas bahasa.

Beliau yang berasal dari Yan, Kedah pernah tersenarai di peringkat akhir, sebagai salah seorang peserta Raja Lawak musim ke-5. Persembahan beliau dalam sketsa pada malam itu benar-benar menyerlahkan kelebihan dirinya dalam bidang lakonan dan nyanyian.

Setiap persembahan pelajar penulisan tahun dua pada malam itu membawa mesej sayangilah bahasa Melayu. Mesej inilah yang perlu diambil iktibar sebagai pembakar semangat. Setiap mahasiswa yang terlibat dalam persembahan telah

66 Pelajar penulisan tahun dua SPS telah mempersembahkan sketsa bertajuk "Semarak Bulan Bahasa", sebuah sketsa yang menonjolkan pelbagai kreativiti dalam menyampaikan rasa cinta terhadap bahasa. Sketsa berkenaan menceritakan tentang masyarakat di sebuah kampung yang mempunyai pelbagai kaum dan nilai budaya yang tinggi dalam diri mereka. 99

membawa pelbagai watak yang berbeza bersesuaian dengan cara mesej dibentuk agar dapat difahami dengan jelas oleh pelbagai lapisan masyarakat yang menontonnya.

Bagi pelajar penulisan SPS, Nor Ainie Ibrahim, beliau sangat terhibur dan merasa puas apabila sketsa cintakan bahasa tersebut disampaikan dalam bentuk senda gurau dan usik mengusik.

Katanya, sketsa yang dipersembahkan itu bukan sekadar hiburan kosong semata-mata tetapi turut membawa mesej cintakan bahasa yang begitu mendalam, dengan cara penyampaian yang mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat yang menontonnya.

Beliau turut berharap agar banyak lagi agenda memartabatkan bahasa dapat diadakan terutamanya di negeri Sabah pada masa akan datang.

Salah seorang penonton sketsa, Muhammad Irwan Ismail, 40, menyokong program seumpama ini yang harus kerap diadakan untuk membuka mata masyarakat bagi menghargai bahasa Melayu.

Beliau yang merupakan seorang peniaga turut

berharap

bahasa kebangsaan mampu disemai ke dalam diri masyarakat secara berterusan agar generasi yang akan datang tidak akan melupakan bahasa kebangsaan dan sentiasa berpegang dengan ukuran "bahasa jiwa bangsa".

Dengan adanya program seperti ini, siswa-siswi bukan sahaja dapat menyampaikan rasa cinta mereka terhadap bahasa kebangsaan untuk dijadikan teladan, malah mampu mengasah bakat mereka di luar kampus.

Sudah tiba masanya untuk masyarakat khususnya rakyat Malaysia memartabatkan bahasa kebangsaan sendiri tanpa rasa malu dan segan.

Dengan keberlangsungan Program Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 peringkat Negeri Sabah ini dapat menyedarkan setiap lapisan masyarakat akan tingginya nilai kemasyhuran bahasa kebangsaan dan tidak terus menjadi cacatan sejarah yang terkubur tanpa nisan.

Apakah lagi takhta yang tinggal jika bahasa ibunda terkubur tanpa nisan? Di sinilah semua pihak harus memainkan peranan supaya bahasa ibunda tidak hilang ditelan zaman.